ABUL A'LA MAUDUDI

ISLAM DAN JAHILIAH

PUSTAKA SALAM

ISLAM DAN JAHILIAH

OLEH:

ABUL A'LA MAUDUDI

Terjemahan

ABU AMRAH

Isi Kandungan **Muka Surat**

Sepatah Kata Dari Penterjemah.

Alhamdulillah Syukur kepada Allah SWT yang telah mengizinkan saya menyiapkan terjemahan buku kecil ini. Semoga ianya dapat menambahkan kefahaman para duat khususnya dan umat Islam di Malaysia amnya tentang perbedaan di antara Islam dan Jahiliah, dan membantu mereka menyampaikan dakwah Islamiah dengan sejelas-jelasnya.

Terjemahan ini dibuat berdasarkan kepada ceramah Maududi (rahimahullah) yang telah dialihkan ke dalam bahasa Inggeris iaitu 'Islam and Ignorance'. Naskah Arabnya, 'al Islam wal Jahiliah' juga telah dirujuk untuk mempastikan penggunaan beberapa istilah yang terdapat di dalam buku ini.

Saya menyedari tentang wujudnya kelemahan dan kekurangan dalam terjemahan ini, oleh itu nasihat dan teguran ikhlas dari saudara-saudara seIslam sangat-sangatlah diharapkan.

Semoga Allah memberikan ganjaran yang baik kepada sesiapa sahaja yang telah menghabiskan masa dan tenaganya dalam menyiapkan buku kecil ini.

Wabillahit taufiq wal Hidayah.

Abu Amrah
Fakulti Kejuruteraan Awam
UTM.
April 1984.

ISLAM DAN JAHILIYYAH

(Kertas-kerja ini telah disampaikan dalam suatu perjumpaan pada 23 Feb. 1941, atas jemputan Majlis-Islamiah, di Kolej Islamiah, Peshawar.)

PERHUBUNGAN ANTARA PENDIRIAN DAN TINDAK-LAKU

Manusia menghadapi berbagai permasalahan dalam kehidupannya, tetapi ia tidak dapat menguasai permasalahan-permasalahan tersebut dengan baik kecuali setelah ia membuat suatu pendirian terhadap tabiat atau keadaan sebenar permasalahan itu dan hubungannya dengan permasalahan itu. Sama ada benar atau salah, suatu pendirian mesti dibuat terhadap semua permasalahan. Selagi pendirian ini belum dibuat, tidak ada seorang manusia pun boleh membuat keputusan tentang tindak-laku yang ia patut ambil terhadap sesuatu permasalahan. Ini adalah suatu pengalaman yang menjadi sebahagian dari kehidupan seharian anda. Apabila anda bertemu dengan seseorang, anda perlu mengetahui: Siapakah dia? Apakah kedudukan dan statusnya dalam kehidupan? Apakah ciri-ciri peribadinya? Apakah bentuk perhubungan yang wujud di antara dia dan anda? Anda tidak dapat tentukan bagaimana hendak mengendalikan perhubungan dengan orang itu tanpa sebarang keterangan berhubung dengan soalan-soalan tadi. Walau bagaimanapun, anda perlu membuat suatu pendirian berlandaskan apa yang zahir, dan apa juga tindakan anda terhadapnya dibatasi serta ditentukan oleh pendirian yang telah dibuat. Anda makan benda-benda yang

menurut pengetahuan atau anggapan anda ianya mengandungi nilai makanan. Benda-benda yang anda buang atau gunakan, benda-benda yang anda pelihara, suka atau benci dan benda-benda yang anda takuti atau sayangi sikap serta pendirian anda yang berbeda-beda terhadap semua perkara tadi ditentukan oleh pendirian yang anda buat tentang keadaan semulajadinya, keistimewaan-keistimewaanya dan hubungan anda dengan perkara-perkara tersebut.

Sama ada sesuai atau tidak tindak-laku anda terhadap perkara-perkara tadi, bergantung kepada benar atau salahnya pendirian-pendirian yang telah anda buat terhadap perkara-perkara tersebut. Sah atau salahnya bergantung kepada sama ada anda telah membuat pendirian berdasarkan pengetahuan, tekaan, sangkaan atau melalui tinjauan pancaindera. Seorang kanak-kanak kecil sebagai contoh, melihat api dan melalui tinjauan pancainderanya membuat suatu tanggapan bahawa ianya suatu mainan yang cantik serta berkilauan. Tanggapan ini seterusnya mendorongnya kepada tindakan menghulurkan tangan untuk menyentuh api itu. Seorang lelaki lain melihat api yang sama dan melalui anggapan atau sangkaannya, ia membuat kesimpulan bahawa api itu memiliki suatu sifat ketuhanan atau sekurang-kurangnya, ia suatu simbol ketuhanan. Berdasarkan kepada kesimpulan ini, ia membuat ketetapan menundukkan kepala menyembah api itu, sebagai tanda perhubungannya dengan api itu. Orang yang ketiga melihat api itu, dan mula mengkaji keadaan semulajadi api itu serta sifat-sifatnya. Melalui ilmu pengetahuan serta kajian ia sampai kepada kesimpulan bahawa api itu boleh memasak, membakar serta memanaskan benda-benda. Selanjutnya ia membuat tanggapan bahawa perhubungan-

nya dengan api itu adalah laksana tuan dan hambanya. Api, menurut tanggapannya, bukanlah suatu mainan ataupun bersifat ketuhanan. Malahan ia merupakan suatu benda yang boleh digunakan untuk tujuan memasak, membakar atau memanaskan, bila-bila masa sahaja keperluan timbul. Kalau dibandingkan ketiga sikap yang berbeda itu, jelaslah bahawa sikap kanak-kanak dan si penyembah api itu adalah berdasarkan kejahilan mereka. Pengalaman, menidakkan tanggapan kanak-kanak tersebut bahawa api itu adalah mainan. Tanggapan si penyembah api bahawa api itu adalah tuhan atau simbol ketuhanan adalah berdasarkan kepada sangkaan atau tekaan semata-mata dan bukan atas dasar apa-apa bukti dari ilmu pengetahuan yang sebenar. Sebaliknya sikap lelaki yang menganggap api sebagai suatu agen yang berguna untuk manusia, yang jauh berbeda dari kedua-dua tanggapan di atas, adalah suatu sikap saintifik kerana ia didasarkan kepada ilmu pengetahuan.

MASALAH-MASALAH POKOK DALAM KEHIDUPAN MANUSIA.

Pendirian dan sikap manusia terhadap kehidupan duniawi.

Dengan meletakkan landasan ini di dalam pemikiran kita, marilah kita alihkan pandangan kita daripada perkara-perkara detail kepada perkara-perkara pokok. Manusia mendapati dirinya hidup di atas muka bumi ini. Ia mempunyai tubuh badan yang dikurniakan dengan berbagai potensi. Bumi dan langit yang indah terhampar di hadapannya. Alam semesta ini mengandungi bermacam jenis benda, dan manusia mempunyai keupayaan untuk memanfaatkan keseluruhan benda-benda tadi untuk kegunaannya. Ia dikelilingi oleh berjuta-juta manusia-manusia lain, binatang-binatang, tumbuh-tumbuhan serta bahan-bahan galian. Semua ini berkait-rapat dengan kehidupannya. Adakah mungkin untuk anda fikirkan bahawa seorang manusia itu boleh mengambil suatu bentuk perhubungan dengan benda-benda tadi, tanpa terlebih dahulu membuat suatu pendirian tentang dirinya sendiri, tabiat benda-benda di sekelilingnya dan kedudukan perhubungannya dengan benda-benda tadi? Mungkinkah bagi seseorang itu mengambil suatu cara hidup tanpa menentukan: Siapakah saya? Apakah ke-

dudukan saya? Adakah saya seorang yang bertanggung-jawab atau tidak? Adakah saya seorang yang bebas atau tunduk kepada orang lain? Jika saya tertakluk di bawah seseorang, siapakah tuan saya dan jika saya seorang yang bertanggungjawab, kepada siapakah tanggungjawab saya itu? Apakah akan berakhir kewujudan saya di dunia ini? Jika ia akan berakhir, apakah kesudahannya? Di masa yang sama, bolehkah seseorang itu bercadang menggunakan kekuasaan yang ada padanya tanpa terlebih dahulu memutuskan persoalan-persoalan berikut: Adakah kekuasaanya itu miliknya atau dikurniakan oleh orang lain? Adakah ia akan dipanggil untuk bertanggungjawab ke atas kuasa yang telah ia gunakan? Adakah penggunaan kuasa-kuasa yang ada padanya ditentukan oleh dirinya sendiri atau oleh orang lain? Berdasarkan cara yang sama, adakah mungkin bagi seseorang itu mengambil suatu bentuk tindakan terhadap benda-benda yang menjadi sebahagian dari alam sekelilingnya tanpa mempastikan bahawa: Adakah dia tuan kepada benda-benda tadi atau orang lainkah tuannya? Adakah ia berkuasa penuh ke atas benda-benda tadi atau kekuasaannya terbatas? Jika kuasa yang ada padanya dibatasi oleh had-had tertentu, siapakah yang membatasinya? Bolehkah seseorang itu merekai suatu corak tindak-laku terhadap rakan-rakannya tanpa terlebih dahulu membuat pendirian yang tetap tentang apakah dia ideal-ideal manusia keseluruhannya? Apakah dia asas ketinggian dan perbedaan di antara sesama manusia? Apakah dia daya-daya pendorong kepada persahabatan dan permusuhan, kepada ikatan dan perselisihan, serta kepada tolong-menolong dan tidak bekerjasama? Begitu juga, bolehkah seseorang itu mengambil suatu sikap terhadap alam semesta ini sebelum ia sampai

kepada beberapa kesimpulan muktamad tentang tabiat sistem 'alam semesta ini dan kedudukannya sebagai sebahagian daripada sistem ini? Berdasarkan kepada landasan yang telah saya bincangkan, bolehlah dinyatakan tanpa ragu-ragu lagi bahawa adalah mustahil untuk seseorang itu mengambil suatu sikap tanpa terlebih dahulu membuat pendirian tentang semua perkara-perkara ini. Bahkan, setiap insan yang bernyawa sama ada secara sedar atau tidak, berpegang kepada pendirian-pendirian tertentu terhadap soalan-soalan tentang hidup ini; kerana tanpa pendirian ini ia tidak dapat berjalan walaupun selangkah dalam alam semesta ini. Tidak semestinya setiap manusia memikirkan secara falsafah terhadap setiap perkara setelah membuat kajian yang mendalam. Tidak, bahkan kebanyakan manusia tidak menghiraukan langsung persoalan-persoalan ini, dan tidak pula mereka cuba berfikir serta merenung persoalan-persoalan tersebut. Walaupun begitu, setiap orang ada membuat sesuatu pendirian sama ada positif atau negatif terhadap semua perkara, dan sikap setiap orang terhadap kehidupan itu tidak dapat dielakkan daripada ditentukan oleh pendirian yang telah dibuatnya.

ASAS-ASAS AKHLAQ INDIVIDU DAN MASYARAKAT ADALAH SAMA.

Oleh kerana kaedah ini berlaku secara tepat bagi kes individu-individu, ia juga adalah benar bagi perkumpulan-perkumpulan. Persoalan-persoalan ini adalah masalah asasi bagi kehidupan manusia dan selagi hal-hal yang berhubung dengannya belum ditentukan sejelas-jelasnya, adalah mustahil untuk kita rangkakan program untuk perkumpulan politik dan membangunkan suatu kebudayaan dan tamadun. Tatacara akhlaq sesebuah masyarakat itu akan memcerminkan rumusan-rumusan yang telah dibuat terhadap persoalan-persoalan penting itu tadi, dan konsep moralitinya akan ditentukan selari dengannya. Setiap institusi kehidupan akan dimodelkan di atas rumusan-rumusan yang sama, bahkan keseluruhan rangka masyarakat akan dibentuk oleh rumusan dan kesimpulan ini. Adalah menjadi suatu hakikat bahawa tidak wujud pandangan yang lain tentang hal ini. Sikap seseorang individu ataupun sesebuah masyarakat akan ditentukan oleh tabiat rumusan-rumusan yang telah dicapai dalam menjawab persoalan-persoalan ini. Jika anda mahu, anda boleh analisiskan sikap seorang individu atau satu masyarakat dan dengan mudah mempastikan apakah rumusan-rumusan tentang persoalan-persoalan asasi kehidupan yang menjadi daya pen-

dorong kewujudan individu ataupun masyarakat tadi. Adalah mustahil bagi tabiat individu atau pun akhlaq masyarakat bercanggah dengan tabiat rumusan-rumusan yang telah dibuat dalam menjawab persoalan-persoalan ini. Perkataan dan perbuatan mungkin bercanggah tetapi tabiat jawapan bagi persoalan-persoalan ini yang terpendam di dalam sanubari seorang insan tidak bertentangan dalam apa jua hal dengan tabiat akhlaqnya.

BERBAGAI PENYELESAIAN BAGI MASALAH-MASALAH HIDUP.

Setiap permasalahan pokok dalam kehidupan, yang mana penyelesaiannya amat diperlukan untuk kewujudan yang aktif bagi umat manusia, adalah pada hakikatnya berbentuk metafizikal. Jawapan bagi persoalan-persoalan ini tidak tertulis di ufuk untuk setiap insan yang lahir ke dunia ini membacanya, dan tidak pula jawapannya jelas dengan tersendirinya untuk setiap orang memahaminya. Inilah di antara beberapa sebab mengapa tidak ada satu-satunya penyelesaian yang dapat diterima dan disetujui oleh semua manusia. Manusia sememangnya mempunyai pendirian-pendirian yang berbeda terhadap persoalan-persoalan ini, dan pelbagai manusia telah bertemu dengan berbagai-bagai penyelesaian terhadapnya. Persoalannya sekarang ialah: apakah penyelesaian-penyelesaian yang pernah wujud terhadap masalah-masalah ini, apakah cara yang telah diambil untuk menyelesaikannya dan apakah penyelesaian-penyelesaian yang pernah wujud terhadap masalah-masalah ini, apakah cara yang telah diambil untuk menyelesaikannya dan apakah penyelesaian-penyelesaian yang telah timbul dari cara-cara ini.

1. Satu jalan untuk menyelesaikan masalah ini ialah

dengan bergantung kepada pancaindera seseorang itu, dan pendirian-pendirian terhadap setiap hal dibuat berdasarkan kepada pencapaian dan penglihatan indera.

2. Jalan yang kedua ialah dengan membuat suatu rumusan melalui pencapaian indera yang dibantu oleh spekulasi.

3. Alternatif yang ketiga pula ialah dengan meletakkan keyakinan seseorang itu kepada penyelesaian-penyelesaian terhadap masalah-masalah ini yang telah dibawa oleh Rasul-rasul Allah, yang mendakwa mereka membawa ilmu pengetahuan tentang Al Haq.

Setakat ini, hanya ketiga-tiga cara di atas telah digunakan untuk sampai kepada penyelesaian terhadap masalah-masalah ini. Besar kemungkinan inilah sahaja di antara cara-cara yang boleh digunakan. Dalam setiap kes di atas, penyelesaian-penyelesaian yang berbeda telah didapati melalui beberapa cara. Setiap penyelesaian telah menimbulkan suatu sikap tertentu dan suatu corak akhlaq dan kebudayaan tertentu, yang pada ciri-ciri dasarnya adalah berbeda sama sekali daripada sikap-sikap yang dihasilkan oleh kategori-kategori penyelesaian yang lain. Sekarang saya ajukan kepada anda penyelesaian yang berbeda terhadap masalah-masalah ini yang dicapai melalui cara-cara yang berlainan, serta sikap yang dihasilkan oleh setiap penyelesaian itu.

PENYELESAIAN PERTAMA: AL JAHILIAH AL MAHDHAH (Jahiliah sentulen-tulennya)

Dengan bergantung kepada pancainderanya semata-mata, seseorang itu akan sampai kepada suatu pendirian berhubung dengan masalah-masalah di atas melalui cara yang tabie bagi sistem berfikir ini, dan terus merumuskan bahawa keseluruhan sistem alam ini terjadi dengan kebetulan sahaja dan tidak ada sesuatu sebab atau tujuan di sebalik penciptaan alam ini. Ia telah wujud dengan tersendirinya; ia berjalan secara automatis; ia akan menemui kesudahannya tanpa menghasilkan apa-apa natijah. Tidak kelihatan seorang tuan empunya yang menguasai alam ini. Oleh itu tidak wujud tuan empunya alam ini, dan jika ada pun hubungannya dengan kehidupan manusia tidak wujud langsung. Manusia itu hanya satu jenis dari haiwan-haiwan, yang kelahirannya adalah se cara tidak sengaja. Tidak diketahui sama ada yang mencipta dirinya atau ia dilahirkan dengan tersendirinya. Walau bagaimanapun, persoalan-persoalan ini tidak ada kaitan dengan perbincangannya. Ia hanya tahu bahawa manusia itu wujud di atas cakerawala yang dinamakan bumi. Ia melayani keinginan tertentu dan ada beberapa desakan dalam yang memaksa ia memenuhi keinginan-keinginan ini.

Manusia itu dibekalkan dengan anggota-anggota yang

ia gunakan untuk memuaskan kehendak-kehendaknya. Di sekelilingnya, terdapat bekalan-bekalan yang tidak terhingga banyaknya, dan menggunakan anggota-anggotanya seseorang itu dapat memuaskan diri sepenuhnya dengan benda-benda tadi. Oleh itu kekuasaan yang ada pada manusia ditujukan semata-mata untuk memuaskannafsu and memenuhi kehendak-kehendaknya sebanyak mungkin, Dunia ini tidak lebih dari suatu talam yang di atasnya terletak barang-barang rampasan (booty) untuk diambil oleh manusia. Tidak ada kuasa tertinggi yang akan mempertanggungjawabkannya; tidak ada punca ilmu pengetahuan, dan tidak ada sumber hidayah yang darinya manusia dapat memperolehi undang-undang untuk mengatur kehidupannya. Oleh itu manusia adalah zat yang boleh berbuat sewenang-wenangnya, dan tidak bertanggungjawab kepada sesiapa pun. Manusia mempunyai hak untuk membuat undang-undang dan peraturan-peraturannya sendiri, untuk memikirkan cara-cara bagi menggunakan kekuasaannya dan menentukan tingkah-lakunya terhadap benda-benda yang wujud di sekelilingnya. Jika manusia itu memerlukan kepada apa-apa petunjuk, ia patut rujuk kepada undang-undang tentang kehidupan haiwan, kajian-kajian geologi dan pengalaman sejarahnya. Manusia itu hanya bertanggungjawab kepada dirinya sendiri atau kepada pihak yang berkuasa yang telah diwujudkan oleh masyarakat manusia itu sendiri. Kehidupan dunia ini hanyalah satu-satunya kehidupan dan natijah-natijah setiap amalan hanya berlaku di dunia ini sahaja. Dengan itu keputusan tentang sesuatu itu benar atau salah; bermanfaat atau merbahaya dan sama ada baik atau merosakkan, dan yang mana patut diambil atau dibuang, didasarkan kepada kesan-kesan amalan yang dihasilkan

di dunia ini sahaja.

Ini adalah suatu ideologi (sistem hidup) yang lengkap, yang menyentuh masalah-masalah asas dalam kehidupan berdasarkan kepada pencapaian pancaindera. Di sana terdapat suatu perhubungan logikal dan penyesuaian sejati di antara setiap arus pemikiran yang terkandung di dalam ideologi ini. Oleh itu seseorang yang percaya kepada dogma ini boleh mengambil suatu sikap hidup yang hampir tenang dan konsisten tanpa memperdulikan benar atau salahnya dogma ini dan sikap yang ia hasilkan itu.

Sekarang marilah kita lihat kepada akhlaq yang diambil oleh seseorang itu berdasarkan kepada penyelesaian ini.

Akhlaq yang berdasarkan kepada pengalaman indera semata-mata

Suatu natijah yang tidak dapat dielakkan hasil dari titik pandangan ini dalam kehidupan individu ialah bahawa keseluruhan ruang lingkup akhlaq manusia mestilah bebas dan kosong daripada sebarang perasaan tanggungjawab. Manusia akan menganggap dirinya sendiri sebagai yang berkuasa penuh ke atas badannya dan kekuatan-kekuatan fizikalnya. Oleh itu, ia akan menggunakan kekuatan-kekuatan fizikalnya dan kualiti-kualiti akal dan hatinya menurut kehendak nafsu dan ragamnya. Ia akan menganggap bahawa semua benda-benda dan seluruh manusia yang telah diletakkan di bawahnya secara kebetulan sebagai barang kepunyaannya dan dirinya sebagai tuan mereka. Hanya batasan-

batasan undang-undang tabie dan had-had yang terpaksa dikenakan oleh kehidupan secara kolektif, yang meletakkan batasan terhadap kekuasaanya.

Dirinya sendiri akan kosong daripada apa-apa perasaan moral – suatu perasaan bertanggungjawab dan takutkan penghisaban-dan tidak ada kuasa moral yang akan mengawal tindakan kerasnya. Jika penahan-penahan luar ke atas tindakan nya tidak ada atau jika ia boleh mengelak dari kawalan-kawalan ini, kecenderungan tabie kepercayaannya akan mendorongnya untuk menjadi zalim, tidak amanah, kejam dan ganas. Ia mudah dibawa oleh perasaan untuk mementingkan diri sendiri, menjadi seorang materialis dan seorang yang bertindak menurut edaran masa. Memuaskan nafsu dan keperluan kebinatangan akan menjadi matlamat utama kehidupannya. Perkara-perkara yang berfaedah kepadanya dalam pandangannya hanyalah perkara-perkara yang berfaedah kepadanya dalam pencapaian matlamat hidupnya itu tadi. Adalah tabie dan logik bahawasanya mereka-mereka yang berpegang kepada dogma ini akan berkelakuan dan mempunyai keperibadian sedemikian rupa. Walau bagaimanapun, tidak dapat disangkal bahawa kemungkinan wujud individu yang mempunyai sifat-sifat seperti simpati dan tidak mementingkan diri sendiri hasil dari pandangannya yang jauh terhadap masa depannya dan juga sifat expedient yang dipunyainya. Ia mungkin bekerja tanpa mengenal penat lelah dalam mencapai kebajikan nasional dan kemajuan. Ia mungkin secara keseluruhannya mempamerkan sedikit perasaan tanggungjawab dan hormat terhadap prinsip-prinsip moral. Tetapi jika dikaji secara mendalam terhadap akhlaqnya, anda akan mendapati bahawa setiap "ke-

baikan" yang kelihatan itu adalah lanjutan dari motif-motif yang mementingkan diri sendiri dan hawa nafsu-nya. Ia melihat kesejahteraan dan kebaikan tanahair atau negaranya dari kacamata peribadi semata-mata. Ia mencari kebaikan dan kesejahteraan untuk dirinya melalui pembaikan tanahair dan negaranya. Oleh yang demikian, mereka hanya boleh digelar sebagai seorang nasionalis sahaja.

Ciri-ciri masyarakat yang didirikan di atas akhlaq ini.

Ciri-ciri yang menonjol bagi sesuatu masyarakat yang dibentuk oleh individu-individu yang mempunyai akhlaq dan keperibadian yang telah disebutkan itu adalah seperti berikut:

Prinsip asas dalam siasah ialah bahawasanya hak wewinangan menentukan sesuatu itu (sovereignty) diberi kepada beberapa orang manusia, individu, suatu keluarga, suatu kelas atau kepada orang awam. Ideal kolektif yang paling luhur yang dianggap dapat dilaku-kan ialah dengan membentuk suatu komenwel. Negara ini akan diperintah oleh undang-undang buatan manusia. Setiap undang-undang akan dibuat atau dipinda menurut nafsu dan pengalaman-penglaman manusia. Polisi-polisi juga akan dirumus dan diubah mengikut kemahuan atau faedah peribadi. Dalam negara ini, mereka-mereka yang kuat dan melebihi yang lain dari segi kecerdasan, kepintaran menipu, berdusta, khianat, sikap tak ambil peduli dan kekejaman akan meningkat melalui kekuatan. Pimpinan masyarakat dan tampuk kekuasaan akan berada di dalam tangan manusia-

manusia seperti ini. Di dalam perlembagaan mereka akan termaktub prinsip: "Kekuatan itulah yang benar dan yang lemah itu sentiasa salah."

Keseluruhan binaan masyarakat dan peradabannya akan didirikan di atas dasar mementingkan diri sendiri. Pembenaran (pemissiveness) dalam soal memenuhi nafsu syahawat seseorang akan bertambah serta meningkat, dan ukuran moralnya akan dibentuk supaya kebebasan sepenuhnya untuk memenuhi nafsu syahawat terjamin untuk semua orang. Seni budaya dan sastera akan dipengaruhi oleh falsafah hidup ini yang mana lama kelamaan akan menjurus kepada kelucahan dan aliran-aliran pornografi.

Dalam bidang ekonomi pula, kadang-kadang kaum pekerja akan menubuhkan kerajaan diktator proletariat melalui cara kekerasan. Walau bagaimanapun, keadilan tidak akan menjadi sebahagian daripada sistem-sistem ekonomi ini. Akhlaq setiap individu dalam masyarakat ini akan ditetapkan oleh pegangan asasnya yang mengatakan bahawa dunia ini dan segala kejayaan yang ada di dalamnya merupakan suatu hasil rampasan perang (booty) dan setiap manusia bebas untuk mengambil semahunya dan bila masa peluang itu wujud.

Sistem pendidikan yang dirangka untuk melatih serta mendidik ahli-ahli masyarakat ini akan didasarkan kepada falsafah hidup ini dan mencerminkan sikap yang sama. Sistem pendidikan ini akan menerapkan di dalam generasi selanjutnya tentang pandangan yang sama terhadap dunia dan kedudukan manusia di dalamnya yang

telah diterangkan sebelum ini. Dalam setiap bidang ilmu pengetahuan maklumat serta penerangan akan disusun dan disampaikan secara sistematik untuk menanamkan di dalam pemikiran generasi baru tentang teori-teori kehidupan yang - sama. Keseluruhan program latihan akan direkabentuk untuk melahirkan individu-individu yang mengambil sikap yang sama dalam kehidupan, dan akan diserapkan sepenuhnya ke dalam masyarakat ini. Saya tidak perlu berkata lebih panjang kepada anda tentang ciri-ciri sistem pendidikan jenis ini kerana anda sendiri pernah melalui sistem tersebut. Anda sedang belajar di institusi-institusi yang telah ditubuhkan di bawah sistem yang sama, sungguhpun mereka mempunyai nama-nama seperti 'Kolej Islamiah' atau 'Universiti Muslim' dan sebagainya.

Sikap dan pemikiran yang telah saya analisiskan itu muncul daripada sikap jahiliah setulen-tulennya. Sikap dan pemikiran ini sama dengan keadaan pemikiran seorang kanak-kanak yang bergantung semata-mata kepada pandangan inderanya dan menganggap api itu sebagai mainan yang menarik. Walau bagaimanapun, di sana terdapat suatu perbedaan. Ketidakbenaran pandangan kanak-kanak itu tadi akan jelas terbukti melalui pengalaman. Api yang dianggap oleh kanak-kanak itu sebagai barang mainan merupakan suatu bahan yang panas. Oleh itu apabila ia menyentuhnya dengan tangan, akan ketaralah bahawa api itu bukan barang mainan. Di sebaliknya pula, dalam kes yang sebelum ini, pandangan yang salah itu hanya menjadi ketara selepas berlalunya waktu yang panjang. Sesungguhnya kebanyakan manusia akan berada dalam kejahilan terhadap kesilapan pandangan dan penglihatannya. 'Api' yang dipegang

oleh mereka ini mempunyai kepanasan yang rendah. Ia tidak terbakar dengan serta merta. Ia terus membakar berabad-abad lamanya. Walau bagaimanapun jika seseorang itu berhasrat untuk belajar dari pengalaman-pengalaman hariannya ia patut memikirkan kembali bahawa disebabkan gaya berfikir beginilah, individu-individu sering melakukan penipuan, pemerintah-pemerintah melakukan penindasan dan kezaliman, hakim-hakim berlaku tidak adil, yang kaya mengingin-kan hak-hak orang lain, dan orang-orang biasa men-jadi sesat. Sesungguhnya pengalaman hariannya yang sedemikian rupa, banyak pengajarannya. Lebih dasyat lagi ialah pengalaman-penglaman seperti api-api nasionalisma, materialisma, peperangan yang membara dan konfrantasi, serangan-serangan serta kejadian-kejadian hebat dan keterlaluan yang timbul dari gaya berfikir yang sama, yang mungkin memaksanya untuk membuat kesimpulan bahawa gaya berfikir ini didasar-kan kepada jahiliah daripada didasarkan kepada penge-tahuan yang sebenar tentang Al Haq (kebenaran). Pandangan manusia terhadap sistem alam dan keduduk-annya dalam alam yang didasarkan di atas dogma jahiliah ini tidak selaras dengan Al Haq, sebagaimana ter-bukti jelas dengan natijah-natijah dahsyat yang lahir darinya.

PENYELESAIAN KEDUA.

Sekarang marilah kita meneliti jalan penyelesaian kedua. Jalan kedua untuk menyelesaikan masalah-masalah asasi tentang hidup ini adalah dengan menggabungkan pandangan dan andaian serta spekulasi, dan merumuskan pendirian-pendirian tentang masalah-masalah hidup melalui cara-cara ini. Tiga aliran pemikiran yang berbeda timbul dari jalan ini dan setiap aliran itu menghasilkan suatu bentuk akhlaq tertentu.

1) SYRIK

Suatu aliran pemikiran yang percaya bahawa alam ini sudah tentunya tertakluk di bawah kuasa Tuhan, tetapi di sana bukan hanya ada satu Tuhan, bahkan banyak. Kekuasaan yang berbeda-beda di alam ini dikendalikan oleh Tuhan-tuhan yang berbeda. Kemakmuran atau kecelakaan manusia, kejayaan atau kegagalan, keuntungan atau kerugian bergantung kepada kemurahan hati atau kemarahan Tuhan-tuhan tadi. Berdasarkan kepada andaian-andian serta spekulasi-spekulasi mereka untuk mengenal kuasa-kuasa ketuhanan ini, para pelopor pendapat ini cuba untuk mengenal-pasti kuasa-kuasa tersebut dan kepada siapa kuasa tersebut diserahkan.

Lantaran itu mereka telah mengambil benda-benda yang menarik hati mereka sebagai tuhan-tuhan mereka.

Ciri-ciri Akhlaq Musyrik.

Ciri-ciri utama akhlaq manusia yang lahir dari pandangan hidup ini adalah seperti berikut:

a) Kehidupan yang penuh dengan karut-marut dan tahyul.

Mula-mula sekali, keseluruhan kehidupan manusia menjadi sasaran kepercayaan karut-marut. Ia percaya bahawa terdapat banyak benda-benda yang mempengaruhi baik atau buruk nasib seseorang itu melalui cara-cara ghaib. Ia sampai kepada kesimpulan ini berdasarkan kepada pemikiran subjektif semata-mata; kepercayaanya tidak disokong oleh mana-mana bukti ilmiah. Oleh itu, orang yang menumpukan perhatian penuh kepada kepercayaan ini menghabiskan kebanyakan tenaganya melayani harapan-harapan palsu tentang untung nasibnya atau melayani perasaan takutkan nasib yang tidak menimpa dirinya. Kadang-kala, ia memusatkan harapannya kepada setengah-setengah kubur demi mencapai hasratnya. Ada kalanya ia menaruh kepercayaan bahawa sesuatu patung berhala itu akan memutarkan roda untung nasibnya kepada kesudahan yang lebih baik; ada kalanya ia bersusah-payah untuk menghindarkan kemarahan sesuatu Tuhan khayalannya; ia merasa kecewa tatkala melihat sesuatu perkara buruk; dan ada kalanya ia mula berangan-angan kosong tatkala kelihatan apa yang ia sangkakan suatu petanda baik. Kesemuanya ini menyimpangkan segala pemikiran

dan usahanya daripada landasan yang tabie kepada suatu landasan yang tidak secocok dengan fitrahnya.

b) Pusingan-pusingan upacara ibadat yang tiada kesudahannya.

Keduanya, pandangan hidup ini mengakibatkan suatu talian campur-aduk upacara ibadat, penyembahan, persembahan-persembahan, doa-doa serta upacara-upacara lain; dan terjerat di dalam jaringan yang kompleks ini, menjadi sia-sialah sebahagian besar daripada usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti manusia.

c) Penipuan-penipuan yang dilakukan oleh para penipu.

Ketiganya, para pelopor falsafah syirik dan kepercayaan karut-marut ini dengan mudah menjadi mangsa kepada tipu muslihat manusia-manusia penipu. Seorang lelaki mengangkat dirinya sebagai raja dan mendakwa berketurunan matahari, bulan dan lain-lain 'Tuhan'. Dengan itu ia membuat manusia percaya bahawa ia adalah Tuhan dan manusia sekalian adalah hamba-hambanya. Seorang lagi menjadi penjaga di suatu tempat keramat atau kuil dan mengangkatdirinya sebagai orang tengah di antara manusia dengan suatu kuasa ghaib yang menentukan takdir serta untung nasib manusia. Seorang yang lain pula menjadi seorang 'Pundit atau Pir' (orang keramat), dan melalui strategi yang menggunakan tangkal, jampi-jampi, ilmu sihir dan ilmu silapmata, menipu orang ramai supaya percaya bahawa melalui cara-cara ghaib inilah setiap kemahuan mereka dapat diperolehi. Anak-cucu para penipu ini kemudian membentuk kumpulan-kumpulan keluarga dan kelas-kelas

yang turun-temurun di mana hak-hak, keistimewaan dan pengaruh mereka terus berkembang dan menjadi kukuh serta berakar-umbi menurut peredaran masa. Oleh itu, kepercayaan ini meletakkan ke atas leher orang ramai belenggu perhambaan kepada keluarga-keluarga diraja, petugas agama dan pembimbing-pembimbing kerohanian. Tuhan-tuhan ciptaan sendiri ini memperhambakan negara yang penuh dengan "binatang-binatang tenusu" dan "haiwan pengangkut beban".

d) Kehidupan yang penuh kesalahan dan kesilapan.

Keempatnya, doktrin ini tidak menyediakan asas yang kukuh untuk ilmu dan seni, falsafah dan sastera serta budaya dan politik, dan manusia tidak juga menerima dari Tuhan-tuhan bayangan ini apa-apa garis-panduan yang boleh diikuti dalam kehidupan sehari-hari. Hubungan manusia dengan Tuhan-tuhan ini terhad kepada pelaksanaan beberapa upacara penyembahan dengan matlamat untuk mendapatkan belas-kasihan dan pertolongan dari Tuhan-tuhan ini. Berhubung dengan urusan-urusan hidup, manusia dibiarkan kepada dirinya sendiri untuk merangkakan undang-undang, peraturan-peraturan dan tatacara akhlaq mereka.

Oleh itu sesuatu masyarakat yang percaya akan banyaknya Tuhan, pada hakikatnya mengikut jalan-jalan yang sama yang telah saya terangkan sebelum ini berhubung dengan masyarakat yang dipimpin oleh suatu kepercayaan jahiliah semata-mata. Peraturan-peraturan moral, tatacara akhlaq, kebudayaan politik, sistem ekonomi, ilmu pengetahuan dan sastera adalah lebih kurang sama bagi kedua-dua masyarakat tersebut.

Oleh itu tidak ada perbedaan pada prinsipnya di antara kedua-dua doktrin tersebut.

2) AL – RUHBANIYYAH (Cara hidup rahib-rahib)

Doktrin kedua yang dihasilkan dengan menggabungkan penglihatan dan andaian serta spekulasi menetapkan bahawa dunia ini adalah tempat penyiksaan dan kewujudan fizikal sering dikenakan dengan kesakitan dan kesengsaraan. Roh itu dipenjarakan di dalam badan manusia laksana tawaran yang terkutuk. Segala perasaan keseronokan, keinginan-keinginan dan keperluan-keperluan fizikal yang merupakan natijah-natijah tabie kewujudan di dunia ini adalah pada hakikatnya belenggu-belenggu dan rantai-rantai yang mengikat manusia. Dengan bertambahnya keinginan manusia terhadap dunia dan segala isinya, akan bertambah ketatlah ikatan rantai-rantai ini, dan suatu siksaan yang amat dasyat akan menimpanya. Kejayaan dan keselamatan bergantung kepada keupayaan meninggalkan semua hubungan dengan urusan-urusan duniawi, menahan segala keinginan, menjauhkan diri dari segala keseronokan, menidakkan kesemua keperluan-keperluan fizikal dan kehendak-kehendak hawa nafsu, membersihkan hati dari segala perasaan kasih sayang yang lahir daripada per talian darah daging dan meletakkan musuh ini (iaitu tubuh badan dan hawa nafsu) menjalani satu ujian penyiksaan dan kepayahan yang hebat supaya roh itu dibebaskan dari kuasa pengaruh tubuh badan. Dengan cara ini, roh itu akan menjadi ringan serta murni dan akan mendapat kekuatan yang diperlukan untuk terbang tinggi ke tingkat 'Nirwana' sehingga sampai ke puncak kejayaan yang menguntungkan.

Kesan-kesan cara hidup Ruhbaniah.

Ciri-ciri utama akhlaq yang dihasilkan oleh doktrin ini ialah:

a) Individualisma sebagai ganti hidup secara kolektif.

Pada mulanya, doktrin ini menukarkan kesemua kecenderungan manusia: dari hidup secara kolektif (collectivism) kepada individualisma, dan daripada hidup berbudaya kepada hidup dalam kekeliruan. Manusia memalingkan mukanya dari kehidupan dunia dan lari daripada segala tanggungjawab. Sikap tidak mahu bekerjasama serta meninggalkan segala hubungan peribadi menjadi ciri utama kehidupannya. Singkatnya, ia mengambil nilai-nilai moral negatif.

b) Manusia-manusia yang baik menjadi orang-orang pertapaan.

Keduanya, doktrin ini mendorong manusia-manusia yang baik meninggalkan kehidupan duniawi dan pergi mengasingkan diri untuk mendapat kejayaan. Ini membuka jalan kepada manusia-manusia zalim untuk mengambil alih tampuk pemerintahan dalam setiap urusan duniawi.

c) 'Makanan yang mudah' untuk setiap penzalim.

Ketiganya, dengan terserapnya doktrin ini ke dalam masyarakat, orang ramai akan mula mengambil nilai-nilai moral yang negatif. Mereka akan mempamerkan

kecenderungan-kecenderungan yang tidak sosial dan individualistik, dan menjadi orang-orang yang tidak siuman. Daya-daya kreatif mereka akan menjadi lemah. Mereka menjadi 'makanan-makanan yang lembut' kepada penzalim-pengzalim dan menjadi mudah bagi setiap kerajaan yang zalim untuk memaksa mereka memberikan ketaatan. Bahkan, doktrin ini bekerja laksana ilmu sihir dalam menjinakkan orang-orang awam untuk menjadi hamba-hamba yang rela kepada penzalim-penzalim.

d) Pertentangan dengan tabiat manusia.

Keempatnya, suatu pertentangan sengit yang berterusan berlaku di antara tabiat manusia dan doktrin ruhbaniah ini, yang mana doktrin ruhbaniah terpaksa menyerah diri. Apabila ia menerima halangan, doktrin ruhbaniah ini berselindung di sebalik kepura-puraan. Sebagai akibatnya, upacara 'Penebusan Dosa' (Penance) diadakan; strategi 'Cinta Kiasan' (Allegorical Love) digunakan dan akhirnya, berselindug di sebalik konsep menidakkan sesuatu (renuciation). Para pelopor kepercayaan ini menunjukkan suatu bentuk kecintaan terhadap dunia ini yang boleh memalukan mereka-mereka yang sangat cintakan dunia ini.

3) AL WUJUDIAH (Kepercayaan semuanya Tuhan).

Pandangan yang ketiga yang lahir dari penggabungan penglihatan dan andaian menganggap bahawa manusia dan alam ini tidak benar (unreal). Mereka tidak mempunyai kewujudan sebenar secara tersendirinya. Bahkan,

di sana ada suatu Zat yang menciptakan kesemua benda-benda tadi sebagai bukti yang jelas tentang kewujudan dirinya dan Zat yang sama itu bekerja dalam diri mereka. Jika kita pergi kepada perinciannya, kita akan dapati banyak cabang-cabang dan aspek-aspek yang berbagai rupa tentang doktrin ini. Walau bagaimanapun, ada suatu jalan pemikiran yang sama bagi setiap cabang tersebut iaitu: setiap benda adalah bayang-bayang kepada suatu Zat; hanya Zat ini yang wujud, yang lain semuanya khayalan (illusory).

Doktrin ini menanam dalam diri manusia sikap meragui kebenaran kewujudannya sendiri; ia hilang segala inisiatif; ia menganggap dirinya hanya sebagai patung yang bertindak atas arahan orang lain atau kemungkinan suatu kuasa ghaib bertindak di dalamnya. Dalam keadaan mabuk dengan khayalan-khayalannya, ia lupa akan dirinya sendiri; hidupnya tidak berkemudi dan tidak mempunyai landasan atau tujuan yang tetap. Aliran pemikirannya adalah seperti ini: aku hanya suatu bayang-bayang, tidak ada kerja yang telah di tugaskan kepadaku; dan aku tidak dapat membuat sesuatu dengan sendirinya. Zat yang menyerap ke dalam setiap sesuatu itu, yang telah menjadikan keseluruhan alam sebagai bayang-bayang melalui diriku, dan yang akan berkuasa penuh dari awal hingga berakhirnya dunia ini adalah Penggerak setiap sesuatu. Segala-galanya terlaksana hanya oleh Zat itu. Jika Zat itu berusaha ke arah kesempurnaan dan menuju ke arah puncaknya dengan membawa seluroh alam ini dalam perjalanannya, aku sebagai bayang-bayang, akan bergerak bersamanya secara automatis. Aku hanya satu bahagian sahaja; bukanlah tanggungjawab aku untuk mengetahui ke mana seluruh-

nya bergerak atau ke mana ia berhajat untuk pergi.

Natijah-natijah praktikal ini lebih kurang sama dengan apa yang telah saya terangkan ketika membincangkan Doktrin Ruhbaniah. Dalam sudut-sudut tertentu sikap para penganut kepercayaan ini adalah sama dengan para pelopor Doktrin Jahiliah. Orang yang mempercayai bahawa dirinya hanya bayang-bayang tunduk kepada hawa nafsunya; ia memberikan hawa nafsunya kebebasan untuk bertindak dan tidak memperdulikan arah mana mereka ambil, kerana menurut pemikirannya, hanya benda (substance) yang menjadi penggerak utama kepada hawa nafsunya, manakala beliau sendiri hanyalah suatu patung.

Ketiga-tiga konsep ini, seperti yang pertama dahulu, adalah berdasarkan Jahiliah, dan bentuk akhlaq manusia yang lahir dari konsep-konsep ini juga bercirikan Jahiliah setulen-tulennya. Tidak ada satu pun di antara konsep-konsep di atas yang dikuatkan dengan bukti-bukti ilmiah. Bahkan, pelbagai konsep telah direkabentuk berasaskan khayalan dan andaian. Pengalaman telah menidakkan konsep-konsep ini. Jika salah satu dari doktrin-doktrin ini benar, pelaksanaanya sudah tentu tidak menghasilkan natijah-natijah yang buruk. Jika kamu lihat sesuatu itu memyebabkan rasa sakit dalam perut, bila dan di mana sahaja ia dimakan, kamu akan membuat kesimpulan yang benar dari percubaan ini bahawa benda ini tidak selaras dengan anatomi dan tabiat sistem penghadaman makanan manusia. Dengan cara yang sama. apabila telah menjadi fakta yang sah bahawa doktrin-doktrin syirik, ruhbaniah dan wujudiah telah banyak menyebabkan kerosakkan manusia pada

keseluruhannya, ia merupakan bukti yang positif bahawa tidak satu pun dari doktrin-doktrin ini bersesuaian dengan kebenaran, dan berdasarkan fakta ini juga, kesemuanya tidak sah.

PENYELESAIAN KETIGA: AL ISLAM.

Sekarang marilah kita pergi kepada jalan yang ketiga yang menjadi jalan yang terakhir dalam membentuk sesuatu pandangan tentang masalah-masalah asas kehidupan manusia. Jalan ini ialah dengan meletakkan keyakinan kita kepada penyelesaian yang telah dibawa oleh Rasul-rasul Allah. Hal ini dapat dijelaskan dengan mengambil contoh seorang lelaki yang mendapati dirinya berada di suatu tempat yang asing. Ia tidak mempunyai pengetahuan tentang tempat itu langsung. Ia meminta keterangan dari seorang lelaki dan pergi ke merata tempat di situ di bawah bimbingan lelaki tersebut. Apabila anda berdepan dengan sesuatu masalah seumpama ini, usaha pertama yang anda akan buat ialah mencari seorang yang mendakwa ia tahu jalan selanjutnya. Urusan anda yang kedua ialah untuk menaruh keyakinan tentang kebolehan si penunjuk jalan tersebut berdasarkan bukti-bukti yang ada. Akhir sekali, dengan mengambil ia sebagai penunjuk jalan, anda terus memulakan perjalanan. Apabila telah terbukti melalui pengalaman bahawa keterangan yang diberikan olehnya tidak menyesatkan anda, anda akan merasa yakin keterangan yang ia berikan tentang tempat itu adalah benar. Ini adalah satu metod yang saintifik. Apabila tidak terdapat metod saintifik yang lain, sudah pasti metod ini sahaja yang benar dalam membentuk pan-

dangan seseorang itu.

Lihatlah sekarang! Dunia ini menjadi tempat yang asing bagi anda. Anda tidak mempunyai pengetahuan tentang hakikat yang sebenar. Anda tidak tahu bagaimana dunia ini diuruskan? Anda tidak sedar di bawah peraturan apakah 'bengkel' yang besar ini dikelolakan. Apakah kedudukan anda di dunia ini? Dan apakan sikap sebenar yang anda patut ambil terhadap dunia ini? Inilah soalan-soalan yang menjadi tandatanya kita. Pada mulanya anda berpendapat bahawa apa yang dilihat adalah benar-benar wujud (real). Lalu anda bertindak menurut pandangan ini, tetapi hasilnya adalah suatu kegagalan. Selanjutnya, anda membentuk berbagai pendapat berdasarkan kepada andaian serta sangkaan dan bertindak menurut pendapat tadi, tetapi pengalaman anda setiap kali adalah negatif. Selepas kesemua ini, jalan terakhir yang tinggal untuk mendapat petunjuk sebenar ialah dengan mengalihkan pandangan kepada Rasul-rasul Allah. Para Rasul mendakwa bahawa mereka mempunyai ilmu pengetahuan yang sahih. Setelah suatu penelitian yang dalam dibuat terhadap cara-cara kehidupan mereka, ternyata mereka itu sangat benar, amanah, alim, tidak mementingkan diri sendiri dan berfikiran waras tanpa sebarang keraguan. Ternyata sekali bahawa di sana wujud asas yang kuat untuk mempercayai kebenaran dakwaan mereka. Walau bagaimanapun, yang masih perlu ditentukan ialah sejauh mana keterangan berhubung dengan dunia ini dan kedudukan manusia di dalamnya itu benar dan samada wujud apa-apa bukti yang praktikal yang boleh menidakkan dakwaan mereka? Seterusnya, sejauh manakah keterangan yang mereka berikan berjaya di dalam

pengalaman sehari-hari? Jika selepas suatu pemeriksaan yang teliti, natijah daripada penelitian-penelitian ini condong kepada pengiktirafan kebenaran para Rasul, kita sepatutnya meletakkan kepercayaan kepada petunjuk mereka dan hanya mengambil jalan hidup yang selaras dengan ajaran-ajaran mereka.

Seperti yang telah saya katakan dahulu, berbeda sekali dengan metod-metod lain yang berdasarkan Jahiliah, asas metod ini adalah saintifik. Jika seorang lelaki menundukkan kepalanya bersetuju dengan ilmu pengetahuan ini, dan ia buangkan kedegilan serta kesombongannya dan beramal menurut ilmu pengetahuan ini, dan jika ia hadkan tindakan-tindakan dalam sempadan-sempadan yang telah ditetapkan oleh ilmu pengetahuan tadi, maka inilah yang dinamakan sebagai tarikul-Islami, yakni metod Islam.

PANDANGAN PARA RASUL TENTANG MANUSIA DAN ALAM INI.

Para Rasul perpegang kepada konsep-konsep berikut tentang manusia dan alam semesta ini:

Hak wewinangan melakukan sesuatu terletak di tangan Allah.

Seluruh alam yang terhampar di hadapan manusia, yang ia sendiri merupakan sebahagian darinya, bukanlah suatu fenomena yang berlaku secara kebetulan. Ia merupakan suatu wilayah besar yang tersusun dan terurus dengan baik. Allah swt. telah menciptakan alam ini. Ia sahajalah Tuan empunya dan Pemerintahnya. Alam ini adalah suatu nidzam muhaimin (totalitarian system) di mana seluruh kekuasaan terletak di bawah satu sultah markaziah (central authority). Tidak ada sesiapa pun yang berkongsi dengan Kuasa tertinggi ini di dalam pemerintahannya. Tidak ada suatu apa pun dalam alam ini yang mengingkari perintahnya atau bertindak secara bersendirian tanpa kebenarannya. Tidak ada suatu bahagian dari sistem yang meliputi segala-galanya ini yang dapat mencapai autonomi atau bertindak tanpa perasaan tanggungjawab; dan memang pada tabienya ia tidak sepatutnya berbuat demikian.

Pengabdian Manusia.

Manusia adalah hamba bagi mamlakah rabbaniyah ini. Ia tidak diangkat menjadi hamba mamlakah (kingdom) ini dalam bentuk fizikalnya, bahkan ia dilahirkan sebagai hamba dan tidak ada padanya kekuasaan untuk memegang apa-apa kedudukan lain selain daripada seorang hamba. Oleh itu, manusia tidak mempunyai hak untuk membuat sesuatu cara hidup atau untuk menentukan tanggungjawab-tanggungjawabnya. Manusia tidak memiliki suatu apa pun dalam dunia ini dan ia tidak berhak mencipta undang-undang untuk menggunakan hartabenda yang bukan hakmiliknya. Tubuh badan manusia dan setiap kekuasaannya adalah milik Allah dan pemberianNya. Oleh itu, hak untuk menggunakan badannya atau kekuatan fizikalnya menurut kehendaknya tidak dimiliki oleh manusia. Malah, ia sepatutnya menggunakan pemberian-pemberian Tuhan ini menurut kehendak Yang Maha Perkasa.

Samalah juga keadaannya bagi setiap benda seperti tanah, haiwan, air, tanam-tanaman, bahan-bahan galian, yang menjadi alam sekeliling manusia, adalah hakmilik Allah SWT. Mereka tidak dimiliki oleh manusia. Oleh itu ia tidak berhak untuk mengambil benda-benda ini menurut peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh Pemilik sebenarnya.

Begitu juga setiap manusia yang menduduki bumi ini, di mana kehidupan mereka terikat di antara satu sama lain,, adalah hamba-hamba Allah juga. Oleh itu, mereka tidak berhak untuk membentuk undang-undang dan peraturan-peraturan untuk mengatur hubungan di

antara mereka. Setiap perhubungan mereka mestilah diperintah oleh undang-undang ciptaan Tuhan.

Berhubung dengan persoalan 'apakah undang-undang Tuhan' itu, para Rasul a.s. telah memberitahu kita bahawa Sumber yang sama yang kita terima ilmu pengetahuan tentang hakikat dunia ini dan diri-diri kita daripadanya, telah menyampaikan kepada mereka ilmu pengetahuan tentang undang-undang Rabbani. 'Allah SWT sendiri telah mewahyukan ilmu pengetahuan ini kepada kami dan mengangkat kami (sebagai RasulNya) untuk menyampaikannya kepada kamu. Percayalah kepada kami; kenalilah kami sebagai perutusan Malik kamu dan terimalah daripada kami undang-undang yang sebenar daripada Malikmu.'

Batas-Batas 'Amal.

Para Rasul a.s. selanjutnya menerangkan kepada kita: "Kamu lihat bahawa seluruh urusan alam ini berjalan menurut suatu sistem; padahal Maliknya tidak kelihatan, dan tidak pula kita lihat pekerja-pekerjanya bekerja. Kamu merasa bebas untuk bertindak sesuka hatimu; kamu boleh berkelakuan seolah-olah kamu pemilik sebenar harta-benda kamu; kamu boleh tunduk memperhambakan dari dan taat kepada mereka-mereka yang berlagak sebagai Tuan; Kamu terima rezeki dalam apa keadaan pun; kamu diberi peluang dan jalan untuk bekerja; mengingkari undang-undang Ilahi tidak mendatangkan hukuman dengan serta-merta. Semuanya ini bertujuan untuk menguji kamu. Tuan kamu (yakni Allah SWT) telah memberi kamu kebijaksanaan, keupayaan membuat rumusan dan berkebolehan untuk

memilih di antara yang benar atau salah. Oleh sebab itu, Tuan kamu telah mencampakkan hijab di antara ZatNya, sistem kerajaan Nya dan mata kamu. Ia mahu kamu menjalani suatu ujian dan melihat bagaimana kamu menggunakan kekuasaan yang dikurnianya kepada kamu. Ia telah memberkati kamu dengan aqal, kebebasan memilih, serta sedikit autonomi dan membiarkan kamu bertindak menurut kemahuan kamu. Jika kamu sedar akan kedudukan kamu selaku hamba dan mengambil jalan ini dengan hati yang terbuka tanpa paksaan, kamu akan keluar dengan kejayaan dari ujian Tuanmu. Jika kamu gagal mengenali kedudukan kamu selaku hamba Allah atau setelah mengenal kedudukan kamu selaku hamba, kamu mengikut jalan pemberontakan, kamu akan gagal di dalam ujian ini. Kamu telah diberi sedikit kekuasaan di dunia ini untuk tujuan meletakkan kamu di bawah suatu ujian. Kamu telah diberi hak mengawal dan memerintah ke atas banyak perkara di dunia ini dan telah diberi seumur hidupmu untuk membuktikan nilai dan hargamu".

Dunia Adalah Tempat Ujian.

Para Rasul a.s. kemudiannya memberitahu kita bahawa kehidupan duniawi ini adalah suatu jangka masa ujian; dengan itu tidak ada penghisaban dan tidak pula ganjaran baik atau hukuman diberi di dunia ini(1). Apa-apa yang diberi di sini tidak semestinya suatu balasan bagi sesuatu kebaikan; ia juga tidak menandakan bahawa Tuhan redha dengan kamu atau Ia bersetuju dengan amal perbuatan kamu sekarang. Semuanya ini pada hakikatnya, diberikan kepada kamu sebagai suatu

ujian. Barang-barang, harta-benda, anak-anak, pangkat dan kedudukan dalam kerajaan, sumber nafkah-hidup, semuanya adalah dikurniakan kepada kamu untuk menguji amal perbuatan kamu dan untuk membolehkan kamu menggunakan qualiti-qualiti baik atau buruk kamu. Setiap kesusahan, kehilangan dan malapetaka yang menimpa kamu juga tidak menandakan datangnya hukuman Tuhan ke atas kamu disebabkan sesuatu perbuatan buruk. Sebahagian dari musibah-musibah ini adalah daripada fenomena tabie tertentu (2) Dan sebahagian dari kesusahan-kesusahan ini termasuk di bawah kategori ujian-ujian.(3) Dan setengah nasib malang berlaku apabila seseorang itu berkelakuan menurut pandangan yang bercanggah dengan Al Haq. Dalam hal sedemikian rupa, seseorang itu mengalami kejutan kasar yang tidak, dapat dielakkan (4).

Walaubagaimanapun, dunia ini bukan Tempat Balasan Baik atau Hukuman'; tetapi ia adalah 'Tempat Ujian', Natijah-natijah amalan yang timbul di dunia ini tidak boleh diambil sebagai asas untuk menentukan sama ada sesuatu metod atau 'amal itu 'adil kejam, baik atau buruk dan sama ada haram atau halal. Natijah amalan duniawi yang akan ditetapkan kedudukannya di akhirat kelak akan menjadi asas sebenar sesuatu penilaian. Apabila tempoh tangguhan (kehidupan dunia ini) berakhir, kehidupan yang kedua akan bermula di mana segala amalan kamu akan dinilai dan keputusan akan diberi sama ada kamu menghabiskan masa dengan baik atau dengan cara yang keji dan hina ketika hidup di dunia ini. Satu-satunya asas yang dengannya kamu diputuskan sama ada bersalah atau tidak di akhirat kelak, adalah:

pertamanya, sama ada kamu telah menggunakan fakulti-fakulti penglihatan dan berfikir menurut jalan yang benar dan mengaku akan Uluhiah Allah swt. dan kesucian Perintah-perintahnya; keduanya, sama ada kamu setelah membuat pengakuan terhadap kebenaran di atas, di samping mempunyai kebebasan memilih, tunduk kepada Allah swt yang Maha Agung dan beramal menurut Perintah-perintahNya tanpa sebarang paksaan dan di atas kehendakmu sendiri.

PENELITIAN TERHADAP PANDANGAN ISLAM.

Suatu Konsep yang saintifik.

Konsep terhadap dunia dan manusia yang disampaikan oleh para Rasul adalah lengkap dan sempurna. Setiap bahagian pandangan yang menyeluruh itu tersusun secara logikal; tidak terdapat pertentangan di dalamnya. Ia mengandungi intepretasi yang paling sempurna terhadap peristiwa-peristiwa seluruh dunia dan menjelaskan sepenuhnya segala fenomena alam ini. Tidak ada sesuatu pun yang berhubung dengan penglihatan atau pengalaman manusia yang tidak dapat diberi intepretasi menurut konsep ini. Oleh itu ianya adalah suatu doktrin saintifik dan ia adalah sah menurut setiap definisi perkataan 'saintifik'. Lagi sekali ditegaskan, tidak ada penglihatan atau pengalaman yang telah menidakkan sahnya doktrin ini. Oleh itu ia tetap benar. Ia tidak dapat digolongkan di dalam kumpulan metos yang dibuktikan salah. (exploded myths) 5. Penelitian kita terhadap sistem alam ini juga menjadikah pandangan ini kelihatan sebagai yang paling besar kemungkinan kebenarannya. Fenomena alam yang tersusun hebatnya ini memaksa kita merumuskan bahawa adalah lebih rasional untuk kita mengimani kewujudan suatu Pentakbir Yang Agung, daripada kita menidakkan kewujudannya. Di atas bukti yang sama juga, adalah lebih munasabah

untuk kita membuat kesimpulan bahawa ianya suatu nidzam markazi (a centralised system) dan satu Pemerintah Yang Maha Berkuasa mengawal sistem ini, daripada kita memikirkan bahawa alam ini suatu nidzam lamarkazi (a decentralised system) yang diperintah oleh beberapa pemerintah. Dengan cara yang sama juga, setelah melihat akan kebijaksanaan yang tinggi yang bekerja di sebalik pentadbiran yang hebat terhadap alam ini, adalah rasional untuk rumusan bahawa sistem alam ini didirikan menurut rekabentuk dan tujuan yang penuh hikmah, dan berdasarkan bukti yang sama, adalah jauh dari kebenaran untuk kita mempercayai ianya hanya suatu permainan kanak-kanak. Apabila kita sekali lagi memikirkan sebaik-baiknya tentang fakta bahawa sistem alam ini terdiri dari suatu mamlakah di mana manusia adalah sebahagian daripada mamlakah ini, kelihatan lebih munasabah untuk dipercayai bahawa manusia tidak sepatunya dilepaskan tanpa dipertanggungjawabkan dan tidak seharusnya ada peruntukan untuk kebebasan sepenuhnya dalam sistem ini. Kedudukan sebenar manusia adalah sebagai hamba. Di atas asas-asas inilah pandangan ini kelihatan lebih munasabah bagi kita.

Satu Sistem Kepercayaan Yang Pratikal. .

Dilihat dari sudut praktikalnya, pandangan ini dapat diterima juga. Suatu skima hidup yang menyeluruh, yang lengkap dengan setiap perinciannya, terbit daripada sistem kepercayaan ini. Falsafah dan Ilmu Kesusilaan, Sains dan Pertukangan, Kesusasteraan dan Kesenian, Politik dan Sistem Pemerintahan, Kedamaian dan pe-

perangan, dan Hubungan Internasional – bahkan sistem kepercayaan ini melengkapi dengan asas-asas yang abadi untuk setiap aspek keperluan hidup! Tidak ada satu bidang hidup di mana seseorang itu perlu melihat di luar daripada sistem kepercayaan ini untuk mendapatkan garis-garis panduan.

KESAN CARA HIDUP ISLAM.

Sekarang kita perlu lihat kepada apakah jenis sikap terhadap kehidupan yang dibentuk oleh Islam dan apakah natijah-natijah yang lahir daripadanya.

Kesan terhadap kehidupan individu.

Berbeda sekali dengan doktrin-doktrin lain yang berdasarkan Jahiliah semata-mata, Al Islam membentuk serta membina suatu sikap yang bertanggungjawab dan berdisiplin terhadap hidup di kalangan individu-individu. Keyakinan terhadap doktrin Islam membawa erti bahawa manusia tidak sepatutnya menganggap dirinya sebagai tuan empunya .tubuh-badannya, kekuatan-kekuatan fizikalnya atau apa saja di dunia ini, dan tidak sepatutnya ia menganggap dirinya bebas untuk menggunakannya sesuka hati. Manusia sepatutnya melihat akan benda-benda ini sebagai hakmilik Allah dan mempergunakan mereka itu selaras dengan undang-undang Ilahi. Ia sepatutnya mengambil hakmiliknya sebagai amanah dari Allah dan sewaktu menggunakannya, ia tidak sepatutnya lupa bahawa ia mesti memberikan butir-butir lengkap mengenai penggunaannya kepada Pemerintah Yang Agung, yang tidak ada suatu amalan individu pun tersembunyi darinya dan tidak pula ia lalai

dari apa yang berlaku dalam diri manusia. Jelaslah kepada bahawa seorang yang memberi ketaatannya kepada Islam, akan mengikut suatu sistem peraturan dalam keadaan apa sekalipun. Ia tidak akan membiarkan nafsunya mengamuk laksana seekor haiwan yang liar. Ia tidak akan menjadi seorang penzalim atau seorang yang rosak dirinya. Kewibawaannya lebih dari yang ditetapkan dan ia seorang yang amanah. Tidak perlu lagi suatu tekanan dari luar untuk memaksanya mentaati undang-undang itu. Jiwanya tunduk kepada suatu disiplin moral yang tinggi, yang menetapkannya di atas jalan yang saleh dan adil walaupun ia di dalam keadaan-keadaan di mana tidak wujud risiko hukuman di tangan mana-mana kuasa dunia. Adalah mustahil untuk kita fikirkan cara-cara lain yang dapat melahirkan individu-individu dalam sesebuah masyarakat yang sempurna dan mempunyai akhlaq yang boleh dipercayai sedemikian rupa, selain daripada penanaman sifat takutkan balasan Ilahi dan kesedaran bahawa setiap benda-benda yang dimiliki oleh manusia adalah amanah daripada Allah. Lagi pun, pandangan ini bukan saja merubah individu itu sehingga menjadi seorang yang beramal tetapi juga, mengalih usaha-usahanya daripada matalamat yang berbentuk kepentingan individu, hawa nafsu atau asabiah, kepada pencapaian matalamat- matlamat keadilan dan moraliti yang luhur. Adalah mustahil untuk kita berjumpa dengan seorang yang lebih dinamik, lebih produktif dan lebih saleh dalam amalnya daripada orang yang mempunyai pandangan-pandangan berikut terhadap dirinya: "Bahawasanya aku tidak dihantar ke dunia ini tanpa sebarang tujuan; bahkan Allah telah menciptakan aku untuk melaksanakan suatu tugas; matlamat hidupku ialah untuk melakukan amal-amal yang diredai Allah

dan bukan untuk menyukakan diriku atau saudara-maraku.

Aku tidak akan biarkan begitu sahaja sehingga aku telah menyerahkan keterangan yang lengkap tentang bagaimana dan sejauh mana aku telah habiskan tenaga dan masaku."

Pandangan hidup ini melahirkan individu-individu yang sangat baik sehingga sukar untuk kita fikirkan bahawa ada pandangan lain yang dapat menanamkan nilai-nilai dan perasaan yang lebih baik di kalangan penganut-penganutnya.

Kesan Terhadap Kehidupan Ijtimaie.

Sekarang marilah kita analisis kesan pandangan hidup Al Islam terhadap kehidupan ijtimaie manusia seluruhnya. Mula-mula sekali Al Islam merubah asas-asas masyarakat manusia. Menurut doktrin ini, setiap orang adalah hamba Allah. Oleh itu, semua orang menikmati hak yang sama, status dan peluang yang sama. Tidak ada individu, keluarga, kelas, negara atau bangsa yang mempunyai hak-hak yang lebih, keutamaan-keutamaan tertentu atau hak-hak untuk menguasai orang lain. Dengan cari ini, konsep penguasaan manusia atau ketinggiannya ke atas manusia-manusia lain dihapuskan hingga ke akar-umbinya. Setiap keburukan dan kejahatan yang timbul dari sistem Monarki, Feudalisma, Aristokrasi, Brahmanisma, pemerintahan Pope dan pemerintahan diktator di hapuskan terus. Doktrin Al Islam juga menghapuskan segala bentuk prejudis qabilah, negara, bangsa, daerah atau warna kulit yang menjadi punca utama pertumpa-

han darah di dunia ini. Menurut Al Islam seluruh bumi ini adalah hakmilik Allah. Seluruh umat manusia adalah keturunan Adam a.s. dan makhluk Allah swt. Kemuliaan dan ketinggian itu dicapai melalui kesucian moral dan taqwa kepada Allah dan bukan disebabkan bangsa, asal-usul, barang dagangan, harta, atau disebabkan putih atau merah-jambunya warna kulit seseorang. Ketinggian darjat diberikan kepada mereka yang paling bertaqwa kepada Allah dan mengamalkan amal saleh serta melakukan usaha memurnikan jiwa-jiwa mereka.

Pandangan Al Islam juga menukar secara menyeluruh asas-asas ikatan sosial, perhubungan, perbedaan atau ketinggian darjat di antara sesama manusia. Prinsip-prinsip ciptaan manusia yang dijadikan dasar kehidupan sosial atau pertentangan sosial, telah mewujudkan berbagai kumpulan dan telah mendirikan halangan-halangan yang sukar diatasi di antara kumpulan-kumpulan ini. Bangsa, negara, kewarganegaraan atau warna kulit tidak boleh diubah oleh manusia dan tidak pula ia membenarkan perpindahan sosial dari satu kumpulan manusia kepada yang lain. Sebaliknya, pandangan Al Islam membina asas kehidupan sosial atau pertentangannya di atas asas-asas yang kukuh iaitu keyakinan yang mendalam terhadap Allah dan ketaatan kepada Perintah-perintahnya. Mereka yang meninggalkan pergantungan kepada makhluk-makhluk lain dan tunduk patuh kepada Khaliq mereka, serta menerima syariatnya sebagai prinsip yang mengatur kehidupan mereka, akan membentuk suatu kelompok masyarkat. Mereka-mereka yang berbuat sebaliknya membentuk suatu kelompok masyarakat yang lain (iaitu selain dari Hizbullah). Dengan ini,

segala perbedaan dapat dihapuskan kecuali satu. Pada setiap waktu ada kemungkinan seseorang itu menukar keyakinan serta cara hidupnya dan keluar dari satu kumpulan untuk memasuki kumpulan lain. Jika boleh dibentuk suatu masyarakat yang bersatupadu daripada penduduk-penduduk dunia, ia hanya dapat dibentuk berasaskan prinsip-prinsip Islam. Kesemua doktrin-doktrin lain memecah-belahkan umat manusia, tetapi Islam mempersatukan mereka di dalam suatu persaudaraan yang padu.

Uluhiyyah Allah SWT.

Berikutan dari reformasi-reformasi ini, masyarakat yang lahir di atas prinsip Al Islam adalah suatu masyarakat di mana sikap, roh dan struktur sosialnya telah mengalami satu perubahan yang menyeluruh. Dalam masyarakat ini, prinsip dasar yang di atasnya didirikan Daulah itu adalah: bahawa hak wewinangan menentukan sesuatu itu kepunyaan Allah semata-mata, bukan kepunyaan manusia. [6] Allah swt. adalah pemerintah Agung. Ia juga merupakan Sumber segala perundangan. Manusia berfungsi sebagai Khalifah Allah di muka bumi. Sebagai permulaannya, sistem politik ini menghapuskan segala keburukan dan kejahatan yang lahir dari suatu sistem di mana undang-undang dirangkakan oleh manusia dan manusia sendiri memerintah manusia lain. Perbedaan yang menonjol yang ditunjukkan oleh sistem daulah ini ialah bahawa roh ketaqwaan dan pengabdian diri kepada Allah menyerap ke dalam seluruh sistem itu. Pemerintah-pemerintah dan yang diperintah, sama-sama memahami bahawa mereka bertanggungjawab terus kepada Allah swt., Yang Maha Hadir dan Yang Maha

Mengetahui segala sesuatu. Rakyat membayar cukai sebagai sumbangan di jalan Allah swt.; pemungut-pemungut cukai dan orang-orang yang bertanggungjawab untuk menggunakan wang cukai menganggap ianya sebagai harta hakmilik Allah swt. dan mereka sendiri adalah pemegang-pemegang amanah. Dari seorang polis biasa hingga kepada Hakim dan Gabenur, serta setiap Pegawai kerajaan, melaksanakan tugas-tugasnya menurut rangka pemikiran yang sama, iaitu ia berkhidmat untuk Allah swt., kerana kedua-duanya adalah amal ibadat kepada-Nya, dan dalam kedua-dua kes tersebut roh ketaqwaan yang sama serta takutkan kuasa Allah diperlukan. Kebaikan yang dicari dalam calon-calon yang dipilih oleh rakyat dari kalangan mereka, untuk menjadi wakil-wakil Allah di atas muka bumi, adalah taqwallah, amanah dan kewibawaan akhlaknya. Dalam proses ini hanya mereka-mereka yang melebihi rakyat lain dari sudut kebaikan moralnya diangkat memegang tampuk kekuasaan dan pemerintahan. Islam menyerap ke dalam masyarakat dan kebudayaannya dengan roh ketaqwaan dan kesucian moral yang sama. Pokok perbincangan tamadun ini adalah berkhidmat kepada Allah dan bukannya pengabdian kepada hawa nafsu. Allah yang Maha Kuasa adalah Pendamai di antara sesama manusia; hubungan-hubangan di kalangan umat manusia diaturkan oleh hukum-hukum Allah. Oleh kerana Pemberi undang-undang itu bersih daripada segala pengaruh hawa nafsu dan kepentingan dari sendiri dan Maha Mengetahui serta Bijaksana, hukum-hukumnya akan melenyapkan segala kemungkinan timbulnya kejahatan atau kezaliman dalam masyarakat ini sehingga bila-bila masa sahaja. Walau bagaimanapun, syariat Allah membuat perhitungan sewajarnya terhadap setiap aspek

tabiat manusia dan mengadakan peruntukan untuk segala keperluannya.

Masa tidak mengizinkan saya untuk menyampaikan kepada anda suatu gambaran yang lengkap tentang struktur masyarakat yang boleh didirikan di atas prinsip-prinsip Al Islam. Walau bagaimanapun, anda boleh membentuk suatu idea tentang jenis sikap, natijah-natijahnya dan kemungkinan-kemungkinan yang lahir dari pandangan tentang manusia dan alam yang disampaikan oleh Para Rasul Allah. Ianya bukan suatu negara utopia di mana 'blueprint'nya berada di atas kertas sahaja. Wujudnya suatu masyarakat dan negara yang didirikan di atas pandangan ini adalah suatu kenyataan sejarah. Tidak pernah wujud di muka bumi ini rakyat dan negara berperikemanusiaan yang lebih baik daripada yang pernah dibentuk oleh konsep Islam tentang alam di sepanjang sejarah umat manusia. Perasaan tanggungjawab moral di kalangan rakyat Daulah ini telah meningkat ke suatu tahap di mana seorang wanita padang pasir yang telah hamil disebabkan perhubungan jenis yang haram, sunggunpun ia mengetahui bahawa ia akan direjam sehingga mati kerana kesalahannya itu, namum ia datang dengan sendirinya, mengaku salah dan memohon supaya hukuman itu dijalankan ke atasnya. Ia telah dilepaskan tanpa sebarang jaminan atau perjanjian dan telah diberitahu untuk datang semula selepas melahirkan anaknya. Ia muncul kembali dari padang pasir selepas kelahiran anaknya dan sekali lagi memohon supaya ia dihukum. Kali ini ia diberitahu supaya menyusukan anaknya dan datang kembali setelah tamat tempoh penyusuan. Wanita itu pulang ke padang pasir dan tidak dikenakan apa-apa pemerhatian

oleh pihak polis. Selepas berakhir tempoh penyusuan, wanita itu datang sekali lagi dan meminta Hakim supaya membersihkan dirinya daripada dosa zina dengan melaksanakan hukum itu ke atasnya. Ia telah direjam dengan batu dan orang ramai berdoa agar Allah memberkatinya. Apabila seorang lelaki dengan tidak sengaja berkata, "Alangkah jahatnya perempuan itu!" ia telah ditegur (oleh Nabi Muhammad s.a.w) dengan keras sekali dan telah dikatakan kepadanya:
"Demi Allah! Sesungguhnya wanita ini telah membuat suatu taubat, sekiranya seorang pemungut cukai yang tidak jujur telah membuat taubat yang sama, ia pasti akan diampuni Allah." (Sahih Muslim, Kitab Al Hudud, kisah Ghamidiyyah).

Demikianlah kalibar moral rakyat Daulah tersebut. Dan bagaimana pula dengan Daulah itu sendiri? Ianya suatu Daulah di mana kadar wang yang diterimanya berjumlah berjuta-juta dinar. Khazanah-khazanah kerajaan itu melimpah dengan harta penghasilan daripada Iran, Syria dan Mesir. Namun demikian ketua Dualah ini hanya menerima tidak lebih daripada sepuluh junaih (pound) sebulan sebagai pendapatannya. Di kalangan rakyat Daulah ini pula, amat sukar untuk kita bertemu dengan seseorang yang layak menerima sedekah.

Jika masih ada lagi individu yang tidak bersedia untuk mempercayai kebenaran pandangan para Rasul tentang tabiat alam dan kedudukan manusia selepas tajribah (pengalaman)sejarah yang berjaya ini, maka tidak ada jalan lain lagi di mana individu tersebut boleh dipujuk dan diyakinkan. Tuhan, malaikat-malaikat dan kehidupan akhirat tidak terbuka untuk dilihat terus oleh

mana-mana manusia. Dalam keadaan di mana penglihatan terus tidak wujud, pengalaman adalah panduan terbaik untuk menentukan kebenaran dan kewujudan sesuatu fenomena. Ambil suatu contoh: seorang doktor selepas memeriksa pesakitnya tidak mampu untuk menentukan penyakit yang sebenar terdapat pada sistem dalam badannya. Dalam hal ini si doktor memberikan berbagai jenis ubat dan menunggu untuk melihat ubat manakah yang sampai kesasarannya di dalam penjuru-penjuru gelap tubuh badan manusia dan menghapuskan penyakit itu. Fakta yang menunjukkan bahawa suatu ubat tertentu, terbukti akan mujarabnya dalam menyembuh sesuatu panyakit, merupakan suatu bukti positif bahawa ubat ini adalah satu-satunya cara yang sesuai untuk menghapuskan sakit di dalam sistem tubuh badan manusia. Samalah juga keadaannya jika kekurangan-kekurangan jentera kehidupan manusia tidak dapat dihapuskan oleh mana-mana ideologi dan hanya boleh dibetulkan oleh penyelesaian yang diberikan oleh para Rasul, maka ia merupakan suatu bukti positif bahawa pandangan para Rasul sesuai dengan realiti kes tersebut. Alam ini adalah milik Allah swt. dan sudah pasti ada suatu kehidupan lain selepas kehidupan ini di mana manusia akan diminta untuk menyerahkan seluruh keterangan tentang amalnya di dunia ini.

1 Berhubung dengan hal ini, patut diingatkan bahawa dunia ini adalah 'Dunia Fizikal' (iaitu yang berjalan menurut undang-undang sains fizikal) dan bukannya 'Dunia Moral' (iaitu yang berjalan menurut undang-undang moral). Oleh itu, di bawah sistem alam yang wujud sekarang ini, natijah-natijah moral perbuatan-perbuatan dan tindak-tanduk manusia tidak berlaku sepenuhnya. Natijah-natijah ini boleh berlaku setakat mana undang-undang fizikal membenarkan ianya berlaku. Kalau tidak, di mana sahaja undang-undang fizikal meletakkan halangan, adalah mustahil untuk natijah-natijah moral berlaku. Ambil satu contoh: seorang lelaki membunuh seorang lelaki lain. Natijah-natijah moral suatu pembunuhan akan berlaku sekiranya undang-undang fizikal memberi bantuan dalam penyiasatan terhadap kesalahan itu, menentukan dakwaan dan kemudiannya mengenakan hukuman ke atas pesalah tadi. Jika undang-undang fizikal itu terbukti tidak berjaya, natijah moral sesuatu pembunuhan tidak akan berlaku sepenuhnya di dunia ini. Dengan mengenakan hukuman bunuh ke atas seseorang sebagai balasan terhadap yang dibunuh, belum lagi dapat memenuhi tuntutan undang-undang moraliti. Oleh itu, dunia ini bukan tempat hukuman sebenarnya dan ia tidak akan jadi begitu. Untuk menjadikan dunia ini suatu 'Tempat Ganjaran' atau 'Hukuman' kita perlukan suatu sistem alam (yang berbeda dari sistem sekarang ini) yang diperintah oleh undang-undang moral, di mana undang-undang fizikal bertugas sebagai pembantu-pembantu dalam pelaksanaan undang-undang moral tersebut.

2 Sebagai contoh, apabila seorang penzina mendapat penyakit kelamin (venereal disease), ia menjadi natijah fizikal tindakannya dan bukannya suatu hukuman moral ke atas perbuatan kejinya itu. Jika ia berjaya dalam menghilangkan penyakit itu melalui rawatan perubatan, ia mungkin selamat dari kesakitan fizikal penyakit itu, tetapi ia tidak dikecualikan daripada hukuman moralnya. Jika ia bertaubat dari dosanya, ia akan bebas dari dikenakan hukuman moral tetapi ini tidak akan menyembuhkan penyakitnya.

3 Sebagai contoh, apabila seorang lelaki ditimpa kemiskinan, ianya merupakan suatu ujian terhadap ketulusan dan kejujurannya. Adakah ia terdorong untuk menggunakan cara-cara kotor dan keji untuk mencari nafkah hidupnya, atau ia tetap teguh menggunakan cara-cara yang sah? Adakah ia tetap teguh dalam ketaqwaannya apabila ditindas oleh berbagai-bagai kesusahan atau pendiriannya tergoncang dan ia tunduk kepada cara-cara yang keji?

4 Apabila seorang lelaki menidakkan wujudnya Tuhan sekalian alam dan bertindak seolah-olah ia bebas dari segala pembatasan, ia bertindak melawan kebenaran dan pasti ditemui oleh kesedihan, kerana pada hakikatnya Tuhan itu wujud dan manusia tidak bebas dari segala pembatasan. Tindak-tanduk orang yang begitu, boleh disamakan dengan contoh seorang lelaki setelah menganggap api itu adalah mainan, ia cuba memegangnya lantas membakar tangannya, kerana tindakanya itu sudah tentu ber-

lawanan dengan fakta sebenarnya.

5 Jika teori-teori sesuatu zaman itu enggan mengaku kebenaran sesuatu konsep, ia tidak membuktikan bahawa konsep itu salah. Sesuatu doktrin saintifik hanya boleh dibuktikan salah melalui fakta-fakta dan bukan melalui teori-teori semata-mata. Oleh itu, selagi belum disahkan bahawa konsep alam dan manusia yang diutarakan oleh para Rasul itu salah kerana fakta-fakta tertentu, adalah tidak saintifik dan sebesar-besar dengki untuk menganggap pandangan para Rasul sebagai suatu metos yang dibuktikan salah. (exploded myth).

6 Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada buku 'The Political Theory of Islam', A.A. Maududi.